

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 15

TARIKH : 12 MEI 2019

HARI : AHAD

SENTIMEN : POSITIF

PTPTN terapkan nilai murni dalam kalangan pelajar

Usaha tingkatkan semangat patriotik dalam kalangan pelajar generasi kini

P erbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dengan kerjasama Yayasan Kebajikan Perlis (YKPs) mengadakan Program Jelajah Solo Gen Y: Nilai-Nilai Murni Rakyat Malaysia bermula 4 April hingga 30 April lalu.

Program melibatkan 13 kawasan Parlimen dan 37 sekolah dengan anggaran seramai 7,200 pelajar di seluruh negara itu bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran generasi Y terhadap era globalisasi dan memupuk semangat kebangsaan menerusi penerapan nilai-nilai murni cinta-kang negara.

Majlis pelancaran program itu diadakan pada 7 April lalu di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Damansara Aliff, Pulai, Johor Bahru.

Menurut kenyataan PTPTN, program berkenaan telah menjelajah ke 11 negeri dimulakan dari Perlis pada 4 April lalu dan bergerak ke Kuala Lumpur, seterusnya ke negeri lain.

Sementara di setiap negeri, sekurang-kurangnya tiga sekolah telah dipilih untuk program ini dan pengisiannya disampaikan menerusi ceramah nilai-nilai murni kepada pelajar.

Ketua Pegawai Eksekutif YKPs, Affendi Rajini Khan selaku penasihat menekankan nilai-nilai murni, antarbuli dan semangat patriotik kerana pelajar generasi Y inilah yang bakal menjadi ejen nilai murni.



Pelepasan Jelajah Solo Gen Y di Johor oleh Timbalan Ketua Eksekutif (Dasar & Operasi) PTPTN, Mastura Mohd Khalid.

"Siri jelajah tidak terhenti kepada ceramah apabila peserta akan terus berhubung dengan melayari Facebook YKPs untuk menerima kapsul pendidikan motivasi yang disediakan.

"Platform di alam maya ini merupakan salah satu cabang pendidikan yang amat mudah dihimpuni oleh pelajar," kata kenyataan tersebut semalam.

Pada siri jelajah itu, sumbangan dalam bentuk akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) turut diberikan kepada pelajar oleh PTPTN dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) sebagai satu usaha badan itu untuk membudayakan penabungan bagi tujuan pendidikan yang tinggi.

Sumbangan berbentuk simpanan di dalam akaun SSPN-i ini diberikan kepada 7,200 pelajar melibatkan 36 sekolah di seluruh Malaysia dengan peruntukan berjumlah RM144,000.

"Pelajar asnaf dan cemerlang juga menerima sumbangan tambahan dalam simpanan SSPN-i melibatkan 2,000 pelajar dengan peruntukan berjumlah RM200,000 bagi 36 sekolah seluruh Malaysia.

"PTPTN berharap ibu bapa menjadikan sumbangan ini sebagai titik permulaan untuk terus menabung di dalam SSPN-i demi masa depan anak-anak kerana skim simpanan ini menawarkan pelbagai kelebihan untuk manfaat pendidikan," kata kenyataan itu lagi.

Kenyataan turut menyebut, pelaksanaan program ini di sekolah-sekolah terpilih telah mendapat kerjasama baik daripada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Jabatan Pendidikan Daerah (PPD), pihak sekolah serta ibu bapa.



Sumbangan SSPN-i kepada pelajar di Pulau Pinang.



Penerima sumbangan akaun SSPN-i di Melaka.



Keistimewaan SSPN-i:

- Pelepasan taksiran cukai sehingga RM8,000 setahun
- Perlindungan takaful secara percuma
- Kadar dividen simpanan yang kompetitif
- Pemberian Geran Sepadan sehingga RM10,000
- Layak memohon pinjaman PTPTN
- Simpanan patuh syariah
- Dijamin kerajaan



Aktiviti menarik bersama pelajar SMK Setiawangsa, Kuala Lumpur.